

# **BUKU PANDUAN HEPA**

## **JAWATANKUASA HAL-EHWAL PELAJAR & ALUMNI**

### **2025**



**FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN**

## **Kandungan**

<b>Senarai penyumbang</b>	i
<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Senarai jadual</b>	iii
<b>Misi dan Visi Universiti Malaysia Sarawak</b>	iv
<b>Kata Aluan Dekan</b>	v
	1
<b>Bab 1 Pengenalan</b>	
i. Pengenalan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	
ii. Peranan dan Struktur Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar & Alumni Fakulti	
<b>Bab 2 Unit Khidmat Pelajar (<i>Student Service Unit</i>)</b>	3
i. Peranan Unit Khidmat Pelajar Fakulti	
ii. Aktiviti – aktiviti Unit Khidmat Pelajar	
• Khidmat Kaunseling & Kebajikan	
• Tatatertib Pelajar (Bukan Akademik)	
• Khidmat Sokongan Kegiatan Pelajar	
<b>Bab 3 Unit Pembangunan Pelajar (<i>Student Development Unit</i>)</b>	6
i. Peranan Unit Pembangunan Pelajar Fakulti	
ii. Aktiviti – aktiviti pembangunan pelajar	
• Perhubungan Alumni	
• Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan	
• Kemahiran Insaniah & Kokurikulum	

<b>Bab 4</b>	<b>Unit Keusahawanan (<i>Entrepreneurship Unit</i>)</b>	9
i.	Peranan Unit Keusahawanan Fakulti	
ii.	Aktiviti – aktiviti Keusahawanan	
	• Pembangunan keusahawanan	
	• “Start-Up”	
	• Pertandingan Pelajar	
<b>Bab 5</b>	<b>Persatuan Pelajar Fakulti (<i>Faculty's Student Society</i>)</b>	19
i.	Peranan Persatuan Pelajar Fakulti	
ii.	Pengenalan kepada UNIMAS Medical Society (UNIMED)	
iii.	Pengenalan kepada Postgraduate Medical Society (PGMED)	
iv.	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	

## **Senarai Penyumbang**

Profesor Madya Dr Rekaya Anak Vincent Balang : Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Puan Rasidah Abdul Wahab  
Dr. Siti Zaleha Raduan : Unit Khidmat Pelajar

En. Mohammed Rasheedan Ellin  
En. Ibi Gibreson Anak Manggie : Unit Pembangunan Pelajar

Profesor Madya Dr Mohammad Hamdi Mahmood : Unit Keusahawanan

Profesor Madya Dr Romano Ngui : Pesatuan Pelajar Fakulti

## **Penghargaan**

Puan Saptuyah Barahim, Ketua Pegawai Psikologi, Unit Psikologi dan Kaunseling (PsyCon),  
Pusat Khidmat Pelajar

Puan Elina Jelani, Pegawai Pembangunan Masuarakat, Unit Kebajikan Mahasiswa (UKeM),  
Pusat Khidmat Pelajar

## Senarai Lampiran

		<b>Muka surat</b>
<b>Lampiran 1</b>	Carta Organisasi Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti	29
<b>Lampiran 2</b>	Carta Alir Unit Khidmat Pelajar: Kaunseling dan Psikologi (Pengurusan Bantuan Kewangan Pelajar)	30
<b>Lampiran 3</b>	Carta Alir Unit Khidmat Pelajar: Kegiatan Pelajar (Permohonan untuk pendaftaran kelab/ Persatuan	31
<b>Lampiran 4</b>	Carta Urusan Penjatuhan Hukuman Salah Laku Tatatertib Pelajar (Bukan Akademik)	32-33
<b>Lampiran 5</b>	Infografik Unit Kebajikan Mahasiswa UNIMAS (UKeM)	34
<b>Lampiran 6</b>	Infografik Prosedur Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS	35
<b>Lampiran 7</b>	Infografik Jenis-Jenis Bantuan Kewangan UNIMAS	36
<b>Lampiran 8</b>	Senarai Semak Penghantaran Borang Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar	37
<b>Lampiran 9</b>	Borang Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS	38-39
<b>Lampiran 10 (a)</b>	Anggota Unit Psikologi & Kaunseling UNIMAS (PSYCON)	40
<b>Lampiran 10 (b)</b>	Infografik Unit Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling UNIMAS	41
<b>Lampiran 11</b>	Infografik Membuat Temujanji Sesi Kaunseling	42
<b>Lampiran 12</b>	Senarai Ahli Jawatankuasa Hal-Ehwal Pelajar & Alumni, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	43-44
<b>Lampiran 13</b>	Senarai Fasilitator UNIMED, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	45-47

## **VISI UNIMAS**

Universiti Global Pemacu Kelestarian Masa Hadapan

*A leading global university for a sustainable future*

## **MISI UNIMAS**

Meningkatkan Impak Sosial dan Ekonomi Ke Atas Komuniti Sejagat  
Menerusi Kecemerlangan dalam Pendidikan, Penyelidikan dan Jaringan  
Strategik

*To enhance the social and economic impacts on the global  
community through the pursuit of excellence in teaching,  
research, and strategic engagement*

## Kata Aluan Dekan



Assalammualaikum dan Salam Sejahtera,

Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar baharu ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS. Dengan penuh harapan dan aspirasi, para akademik dan pensyarah menyambut pelajar-pelajar ke universiti. Di sini anda bukan hanya salah seorang pelajar daripada ribuan manusia, kami percaya anda akan menjadi sebahagian daripada komuniti dan warga fakulti tercinta ini. Kami beriltizam untuk membantu anda mengecapi impian anda dan menjadi insan yang berguna.

Impian anda untuk menjadi insan berjaya dalam bidang kesihatan samada bidang perubatan, kejururawatan, atau sains kesihatan bukan perkara yang mudah. Pasti banyak keperitan dalam perjalanan tetapi saya pasti juga akan ada banyak kemanisannya. Kata pepatah, “*Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai*” dan “*Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*” memberikan maksud kita harus berusaha untuk mencapai sesuatu walau pun menempuh cabaran.

Bagi kami di fakulti, untuk memastikan pelajar sentiasa terjaga bukan hanya dalam hal akademik, tetapi juga dalam kesihatan dan ketrampilan diri, kami sedia membantu. Universiti bukan hanya tempat untuk menimba ilmu dari buku teks mahupun bilik kuliah sahaja. Universiti adalah persada untuk membina jati diri, dan mengasah bakat sedia ada. Dengan itu kami menyediakan buku panduan ini untuk memberi penerangan dan maklumat kepada pelajar fungsi Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di fakulti.

Akhir kata, semoga impian anda semua tercapai.

**Profesor Dr. Asri Said**  
**Dekan**  
**Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Pengenalan kepada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**

Pada tahun 1993, Universiti Malaysia Sarawak telah menubuhkan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan pembentukan Jawatankuasa Kecil Program Perubatan. Seterusnya pada awal tahun 1996, Puan Jenny Subeh telah dilantik sebagai Ketua Program Kejururawatan dalam persediaan untuk menubuh Program Kejururawatan. Pejabat Fakulti yang pada mulanya bertempat di Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur telah dipindahkan ke Rumah Setia, Kuching Sarawak pada tahun 1994. Pada bulan Mei 1995 merupakan satu peristiwa penting sejarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang mana sejumlah 29 orang pelajar perintis Program Perubatan telah mendaftar untuk mengikuti program tersebut. Tahun 1998 telah tercatat satu lagi lakaran sejarah yang mana kumpulan pertama pelajar Kejururawatan, sejumlah 29 telah diterima untuk mengikuti program kejururawatan. Aktiviti pembelajaran Program Perubatan dan Kejururawatan bermula di Kampus Timur, Kota Samarahan dan seterusnya berpindah ke Bormill Estate, Jalan Keretapi Kuching sehingga tahun 1999. Pertambahan tenaga akademik dan pelajar menyebabkan usaha membina bangunan fakulti baru (Lot 77, Kuching) telah dijalankan pada tahun 1999 dan memulakan aktiviti pembelajaran di Lot 77, Kuching pada tahun 2002. Seterusnya pertambahan tenaga akademik terus meningkat saban hari dan pada tahun 2014 bangunan tetap fakulti di Kota Samarahan telah siap dan semua aktiviti pembelajaran telah berlangsung di situ sehingga kini. Kumpulan pertama graduan perubatan dan kejururawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bergraduat pada tahun 2000. Disamping itu, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan ada menawarkan program pasca siswazah mod kerja kursus seperti Sarjana Kesihatan Awam, Sarjana Pendidikan Kejururawatan, Sarjana Pembedahan otopedik, Sarjana Perubatan, Sarjana dan Doktor Kesihatan Awam. Fakulti Perubatan dan Kesihatan juga ada menawarkan program pasca siswazah mod penyelidikan.

#### **1.2 Peranan dan Struktur Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar & Alumni Fakulti**

Setiap fakulti telah mewujudkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Jawatankuasa ini telah diperakukan di peringkat Jawatankuasa Tetap Senat Pembangunan Pelajar (JSTPP) Bil 01/2024 ke 07. Jawatankuasa ini dipertanggungjawab kepada seorang Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan jawatankuasa ini bertanggungjawab mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti atau isu-isu berkaitan hal ehwal pelajar dan alumni. (sila rujuk **Lampiran 1**: Carta Organisasi HEPA Fakulti). Rancangan strategik Jawatan Kuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni fakulti lebih menfokuskan kepada kualiti graduan yang senantiasa bersedia untuk cabaran masa depan dan meningkatkan tahap kepuasan pdan pengalaman kehidupan pelajar di kampus.

Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti dibahagikan kepada beberapa unit yang mana memainkan peranan spesifik berkaitan dengan portfolio unit-unit tersebut. Setiap unit-unit ini mempunyai penyelaras unit. Lantikan penyelaras unit-unit adalah perlantikan dekan fakulti. Berikut adalah unit-unit di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti:

- i. Unit Pembangunan Pelajar
- ii. Unit Khidmat Pelajar
- iii. Unit Keusahawanan
- iv. Unit Persatuan Pelajar Fakulti

## **BAB 2**

### **Unit Khidmat Pelajar**

#### **2.1 Fungsi dan peranan unit:**

Unit Khidmat Pelajar mempunyai tiga cabang utama iaitu Kauseling dan Psikologi, Pentadbiran dan Tatatertib Pelajar (Bukan Akademik) dan Khidmat Sokongan Kegiatan Pelajar. Setiap cabang mempunyai fungsi dan peranan masing seperti berikut:

##### **1. Kaunseling & Psikologi**

Membantu menguruskan hal ehwal kebajikan pelajar, melakukan hebahan bantuan kebajikan serta memberi khidmat nasihat perundingan pelajar.

##### **2. Pentadbiran & Tatatertib Pelajar (Bukan Akademik)**

Cabang ini bertanggungjawab dalam pengurusan tatatertib pelajar mengikut peraturan dan kaedah tatatertib pelajar UNIMAS (Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Keluaran Jilid 43, Nom. 11, 27 Mei 1998) serta membantu memberi khidmat nasihat kepada pelajar.

##### **3. Sokongan Kegiatan Pelajar**

Cabang ini pula bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pelajar di peringkat fakulti (persatuan mahasiswa, MPKK dan kelab), Membantu mengurus Pilihanraya Persatuan Mahasiswa Fakulti, membantu Fakulti mengurus Minggu Aluan Pelajar (MAP), dan akhir sekali membantu menyelaras pelajar pra-siswazah dalam Program Mobiliti dan Pertukaran Pelajar dalam dan luar negara (inbound dan outbound) di dalam Fakulti (Bukan Akademik)

#### **2.2 Aktivit-aktiviti Unit Khidmat Pelajar**

##### **2.2.1 Kaunseling & Psikologi (Penasihat Akademik)**

Setiap pelajar akan diperuntukkan seorang Penasihat Akademik (PA) yang mana setiap pelajar dikehendaki mengadakan perjumpaan bersama Penasihat Akademik sekurang-kurangnya sekali dalam setiap semester. PA akan menetapkan jam pertemuan dengan pelajar iaitu minimum 1 jam seminggu mengikut jadual waktu pensyarah. PA juga boleh merancang aktiviti bersama-sama pelajar, disamping memantau pelajar di bawah seliaan masing-masing melalui Sistem Penasihat Akademik UNIMAS 7, serta membantu pelajar dalam merangka strategi pembelajaran, kerjaya dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Sekiranya pelajar mengalami masalah selain dari akademik dan memerlukan bimbingan serta bantuan, maka PA boleh berhubung dengan Timbalan Dekan (HEPA). Seterusnya PA perlu menasihatkan pelajar yang terbabit untuk berjumpa dengan Timbalan Dekan (HEPA) untuk tindakan seterusnya.

## **2.2.2 Kaunseling & Psikologi (Pelajar Berada di Kolej atau Pelajar Luar Kampus)**

Sekira pihak fakulti menerima aduan atau pelaporan daripada pihak Pengurusan Kolej Kediaman Pelajar, Pusat Khidmat Pelajar atau Pusat Kesihatan Universiti mengenai kes pelajar, maka fakulti akan memaklumkan pihak berkaitan sekira perlu (cth: Penasihat Akademik, Penyelaras program & ibu bapa). Tindakan susulan akan dibuat oleh pihak Kolej Kediaman Pelajar, Pusat Khidmat Pelajar atau Pusat Kesihatan Universiti.

## **2.2.3 Kaunseling & Psikologi (Pengurusan Bantuan Kewangan Pelajar)**

Unit Kebajikan Mahasiswa (UKeM) merupakan salah satu unit dibawah Pusat Khidmat Pelajar. UKeM bertanggungjawab membantu yang memerlukan bantuan kewangan sepanjang pengajian di UNIMAS (**Rujuk Lampiran 5**). Terdapat pelbagai jenis bantuan kewangan yang boleh dipohon daripada UKeM dan pelajar boleh rujuk infografik prosedur membuat permohonan dan jenis-jenis bantuan kewangan di **Lampiran 6 dan Lampiran 7**. Permohonan bantuan kewangan pelajar merangkumi bantuan yuran pengajian, yuran kolej dan sara diri.

Keutamaan akan diberikan kepada pelajar tahun akhir. Pelajar hanya boleh memohon sekali sepanjang pengajian di UNIMAS. Permohonan Bantuan Kewangan hanya akan dibuka bermula **Minggu Pertama Hingga Minggu Ketiga Perkuliahana** sahaja dan **Borang Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS** boleh didapati di Pejabat Am Fakulti (**Rujuk Lampiran 8 & 9**). Pelajar belum aktif pada semester semasa **Tidak Layak** memohon kerana permohonan bantuan kewangan hanya boleh dibuat untuk semester semasa sahaja.

Manakala pelajar yang aktif bayaran pinjaman (Cth PTPTN), biasiswa, tajaan **Tidak Layak** memohon bantuan kewangan pelajar. Permohonan bantuan kewangan akan dibatalkan sekira pelajar yang memohon gagal menghadiri temuduga di fakulti dan juga di Unit Kebajikan Mahasiswa (UKeM) pada masa yang ditetapkan. Pelajar perlu merujuk notis panggilan temuduga di fakulti dari semasa ke semasa.

## **2.2.4 Kaunseling & Psikologi (Perkhidmatan Kaunseling Pelajar)**

Unit Psikologi dan Kaunseling UNIMAS (PSYCON) merupakan salah satu unit di bawah Pusat Khidmat Pelajar. Unit PSYCON bertanggungjawab menawarkan perkhidmatan berikut: (i) **Kauseling / Psikologi**; (ii) **Pembangunan dan Peningkatan Kendiri Pelajar**; (iii) **Pengurusan & Pengukuran Ujian Psikologi dan Psikometrik**; dan (iv) **Konsultasi dan kajian Psikologi & Kaunseling** kepada pelajar yang memerlukan perkhidmatan tersebut. (Rujuk **Lampiran 10(a)** dan **Lampiran 10(b)**).

Perkhidmatan kaunseling terbuka kepada semua pelajar. Untuk makluman segala maklumat yang dikongsikan semasa sesi kaunseling adalah sulit dan kerahsiaan maklumat terjamin sepenuhnya. Perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan adalah percuma dan tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pelajar.

Berikut adalah Pautan URL yang boleh diekses oleh pelajar:

1. **Pelajar Pra Siswazah dan Siswazah:**

UNIMASPelajar boleh membuat tempahan temujanji atas talian menerusi eStudent (<https://smpweb.unimas.my/eStudent>). Pelajar boleh rujuk **Lampiran 11** untuk prosedur membuat temujanji kaunseling.

- a. *Janjitemu Sesi Kaunseling*: <https://smpweb.unimas.my/eStudent>
- b. *Saringan Minda Sihat*: <https://dass2024.ia.unimas.my/>

2. **Media Sosial Seksyen PsyCon**

- a. Facebook: <https://www.facebook.com/psyconunimasofficial>
- b. Instagram: <https://www.instagram.com/psyconunimasofficial>
- c. Tiktok: <https://www.tiktok.com/@psyconofficial>
- d. Youtube: <https://www.youtube.com/@psyconunimasofficial3102>
- e. Telegram: <https://t.me/PsyConUNIMASOfficial>

**Waktu Perkhidmatan:**

Isnin hingga Khamis, 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang.

**Nota:** Pelajar boleh menghubungi pegawai-pegawai PsyCon melalui e-mel atau nombor telefon yang disenaraikan di direktori laman web rasmi UNIMAS.

**Lokasi Unit Psikologi dan Kaunseling UNIMAS**

Level 2, Bangunan HEPA

**2.2.4 (i) Perkhidmatan Kaunseling Pelajar FPSK**

Untuk sesi akademik 2025/2026, pihak Jawatankuasa HEPA fakulti dengan Kerjasama Jabatan Psikologi Perubatan ada menawarkan khidmat kauseling kepada pelajar-pelajar Perubatan dan Kejururawatan yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Para pelajar boleh berhubung dengan **Dr. Nur Iwana Abdul Taip** menerusi email berikut: [atiwana@unimas.my](mailto:atiwana@unimas.my).

## **2.2.5 Pentadbiran & Tatatertib Pelajar (Bukan akademik)**

Pengurusan tataterbit pelajar yang bukan berkaitan akademik akan diketuai Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) fakulti. Sebarang aduan, pertuduhan atau laporan tentang salah-laku bukan akademik akan melalui proses siasatan yang telah ditetapkan (Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Pindanan 2012). Kertas pertuduhan dan prosiding akan dilakukan diperingkat fakulti, manakala Pejabat Dekan akan mengarahkan pelajar hadir ke sesi prosiding dan meneluarkan keputusan prosiding. Keputusan pelajar yang telah didapati salah dan dikenakan tindakan tatatertib akan dimaklumkan kepada ibubapa pelajar melalui notis bertulis. Keputusan prosiding akan direkod dan difailkan dalam fail pelajar. Pelajar boleh membuat rayuan dalam tempoh 15 hari dari tarikh keputusan disampaikan kepadanya (sekiranya ada rayuan). Pengurusan Fakulti akan bersidang dalam tempoh 14 hari dari tarikh rayuan dan membuat keputusan. Keputusan rayuan disampaikan kepada pelajar dalam tempoh 7 hari dari tarikh keputusan

## **2.2.5 Sokongan Kegiatan Pelajar (Permohonan untuk pendaftaran kelab/ Persatuan)**

Pelajar bersama-sama Penasihat Persatuan perlu mengemukakan proposal bagi pengganjuran kelab yang lengkap kepada Dekan dan Timbalan Dekan HEPA. 2. Kertas kerja yang lengkap perlulah di sokong dan ditandatangani oleh penasihat kelab 3. Pelajar akan dipanggil untuk pembentangan bagi mendaftar kelab tersebut di dalam Fakulti 4. Mesyuarat bersama-sama pengurusan akan diadakan sama ada melulus / menolak kelab tersebut 5. Pelajar akan diberitahu melalui memo sekiranya permohonan diluluskan/ ditolak / masih dalam pertimbangan. 6. Sekiranya diluluskan, kelab tersebut adalah di bawah naungan Persatuan Fakulti. Apabila Mesyuarat Agung diadakan, kelab di dalam Fakulti juga harus bersama-sama bagi membentangkan kewangan dan aktiviti mereka. 7. Kelab harus bertanggungjawab melaporkan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan perbelanjaan dan pendapatan kelab. Kelab dibenarkan mengenakan yuran pendaftaran bagi setiap ahli namun demikian ianya dipantau oleh TD HEPA dan Persatuan Fakulti. Hanya akaun Persatuan Fakulti yang dibenarkan di dalam Fakulti dan penyimpanan wang harus melalui akaun Persatuan. Setiap Kelab harus mempunyai buku akaun sendiri bagi pemantauan duit keluar dan masuk. 8. Kelab juga harus bertanggungjawab menjalankan aktiviti di dalam Fakulti bagi memberi peluang kepada pelajar untuk aktif.

## **BAB 3**

### **Unit Pembangunan Pelajar**

Bab 3 akan menerangkan fungsi dan peranan **Unit Pembangunan Pelajar (Kerjaya, Kebolehpasaran dan Alumni)** di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah unit tersebut.

#### **A. Fungsi dan peranan:**

##### **1. Menambah nilai kebolehpasaran pelajar kejururawatan dan perubatan:**

Unit Pembangunan Pelajar berperanan penting dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar untuk memastikan mereka lebih berdaya saing dalam pasaran kerja. Usaha ini dijalankan melalui penyediaan pelbagai latihan, bengkel, dan kursus tambahan yang direka khusus untuk memenuhi keperluan industri kesihatan. Latihan ini meliputi aspek teknikal dan profesional yang relevan dengan bidang kejururawatan dan perubatan, seperti kemahiran klinikal, komunikasi, dan pengurusan.

Bengkel dan kursus tambahan pula membantu pelajar menguasai pengetahuan terkini serta mengembangkan kemahiran praktikal yang diperlukan dalam dunia kerja. Dengan demikian, pelajar bukan sahaja bersedia secara akademik tetapi juga dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dalam sektor kesihatan.

##### **2. Menyediakan maklumat peluang kerjaya:**

Unit Pembangunan Pelajar turut berperanan dalam menyediakan maklumat terkini tentang peluang pekerjaan dalam bidang kejururawatan dan perubatan. Maklumat ini termasuk penawaran kerja dari hospital, klinik, institusi kesihatan, serta agensi kerajaan dan swasta yang memerlukan tenaga kerja dalam bidang ini. Selain itu, unit ini juga membimbing pelajar tentang prospek kerjaya dan laluan kerjaya yang sesuai selepas tamat pengajian. Ini termasuk memberi nasihat tentang cara mempersiapkan diri untuk memasuki pasaran kerja, seperti penyediaan resume yang efektif, teknik temuduga, dan cara memanfaatkan rangkaian profesional.

Bimbingan ini membantu pelajar memahami pelbagai pilihan kerjaya yang ada, dari klinikal hingga pentadbiran, serta memberi panduan tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat kerjaya mereka. Dengan ini, pelajar dapat membuat keputusan yang lebih baik dan terarah dalam merancang masa depan profesional mereka.

### **3. Menjadi perantara antara fakulti dan alumni:**

Unit Pembangunan Pelajar juga berperanan dalam mengekalkan hubungan erat antara fakulti dan alumni untuk manfaat kedua-dua pihak. Hubungan yang kukuh dengan alumni bukan sahaja memperkasa rangkaian profesional fakulti tetapi juga membuka peluang untuk kerjasama yang dapat meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan yang diberikan kepada pelajar. Alumni sering kali menjadi sumber inspirasi dan motivasi bagi pelajar semasa, dan mereka dapat memberikan pandangan yang berharga tentang realiti dunia kerja.

Oleh itu, unit ini menggalakkan alumni untuk berkongsi pengalaman dan peluang kerjaya dengan pelajar semasa melalui pelbagai platform, seperti ceramah, seminar, dan sesi dialog. Dengan berkongsi kisah kejayaan dan cabaran yang dihadapi, alumni dapat membantu pelajar memahami laluan kerjaya yang berbeza serta memberi nasihat praktikal tentang cara mengatasi halangan dalam perjalanan profesional mereka. Selain itu, alumni juga boleh membantu dalam penempatan pelajar untuk latihan praktikal dan penempatan kerja, yang secara langsung meningkatkan kebolehpasaran pelajar selepas tamat pengajian. Hubungan yang berterusan ini memastikan bahawa pelajar sentiasa mendapat sokongan dan bimbingan yang diperlukan untuk berjaya dalam bidang kejururawatan dan perubatan.

## **B. Aktiviti:**

### **1. Merangka aktiviti berkaitan kerjaya:**

- a. Mengadakan pameran kerjaya untuk memperkenalkan pelajar kepada majikan yang berpotensi.
- b. Menganjurkan taklimat industri oleh profesional dari sektor kesihatan.
- c. Mengadakan ceramah perkembangan kerjaya oleh pakar dalam bidang perubatan dan kejururawatan.

### **2. Menganjurkan sesi libatsama dengan pihak industri:**

- a. Mengadakan sesi libatsama dengan hospital swasta, institusi kesihatan, dan agensi kerajaan.
- b. Mengkoordinasi sesi temuduga rekrutmen kerja dan biasiswa bersama pihak industri.
- c. Membina rangkaian dengan majikan untuk menyediakan peluang praktikal dan penempatan kerja bagi pelajar.

### **3. Penyediaan survei kebolehpasaran dan laporan aktiviti tahunan:**

- a. Menyediakan dan menjalankan survey kebolehpasaran untuk mengukur prestasi pelajar dalam pasaran kerja.
- b. Menyediakan laporan tahunan mengenai aktiviti yang telah dijalankan dan pencapaian pelajar dalam mendapatkan pekerjaan.

**C. Indikator Aktiviti:**

- Bilangan sesi libatsama:
  - Mengukur bilangan sesi libatsama yang telah dianjurkan dengan pelbagai industri dan agensi.
  - Menilai keberkesanan sesi tersebut dalam membantu pelajar mendapatkan pekerjaan.
- Bilangan pelajar yang mendapat pekerjaan:
  - Memantau bilangan pelajar yang berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.
  - Menggunakan data ini untuk menilai keberkesanan program pembangunan kerjaya yang dijalankan.

## **BAB 4**

### **Unit Keusahawanan**

#### **Bab 4: Unit Keusahawanan (Entrepreneurship Unit)**

Pelan Tindakan Keusahawanan Higher Education Institutions (HEIs) 2021-2025 dan Ministry of Higher Education (MOHE) Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE) adalah dua dokumen dasar utama yang memandu pelaksanaan keusahawanan dalam pendidikan tinggi di Malaysia. Kedua-dua dokumen ini menekankan kepentingan integrasi keusahawanan dalam kurikulum untuk membina generasi pelajar yang mampu bersaing dalam pasaran global.

Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) di Fakulti Perubatan & Sains kesihatan (FPSK), telah menggembelengkan usaha bersama pelantar-pelantar sedia ada di UNIMAS agar selari dengan panduan Pelan Tindakan Keusahawanan HEIs 2021-2025 dan MOHE Guide to EIE, untuk sentiasa berada di atas landasan yang betul dalam mendidik generasi pelajar di FPSK UNIMAS untuk ilmu keusahawanan & pelengkap matapelajaran teras perubatan & kesihatan.

#### **i. Peranan Unit Keusahawanan Fakulti**

Unit Keusahawanan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UNIMAS, memainkan peranan penting dalam membina ekosistem keusahawanan di kalangan pelajar. Unit ini dibentuk dengan tujuan memupuk kemahiran keusahawanan, menggalakkan inovasi, dan menyediakan sokongan kepada pelajar yang berminat untuk memahami selok-belok keusahawanan. Selain itu, unit ini juga berfungsi sebagai pelantar untuk pelajar berinteraksi secara aktif dengan pihak industri, membuka peluang kerjasama yang lebih luas, termasuklah berinteraksi dengan usahawan berjaya dan mendapatkan panduan perniagaan.

Unit ini terlibat dalam pelbagai aktiviti, di antara tugasannya adalah a) memberi nasihat kepada pelajar berkenaan program pembangunan keusahawanan di peringkat fakulti, b) memastikan program dan aktiviti keusahawanan dijalankan dengan lancar, c) menyelaras aktiviti start-up, serta d) mengurus pertandingan yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan. Secara umum, kesemua ini bertujuan untuk memperkuuh ekosistem keusahawanan di kalangan pelajar FPSK.

#### **ii. Aktiviti-Aktiviti Keusahawanan**

##### **• Pembangunan Keusahawanan**

Diantara usaha unit ini adalah mendedahkan kepada pelbagai program pembangunan keusahawanan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pelajar dalam bidang ini. Aktiviti ini termasuk menyediakan saluran untuk penyertaan para pelajar UNIMAS bagi bengkel serta seminar.



Pertandingan International Business Innovation Pitching Competition (BIPC) 2024  
[\[https://kkkualalangat.mypolycc.edu.my/index.php/portal/portal-bipc-2024\]](https://kkkualalangat.mypolycc.edu.my/index.php/portal/portal-bipc-2024)



Startup School and Pre-Accelerator for Youth Under-30  
[\[https://www.reactor.school/contactus\]](https://www.reactor.school/contactus)

Di peringkat FPSK, kursus seperti MPU3222 dibuka setiap tahun kepada pelajar Perubatan & kejururawatan, pada tahun 1 dan 2 masing-masing. Kursus ini, menekankan tiga Hasil Pembelajaran Kursus (CLO). CLO 1; menekankan keupayaan pelajar untuk menerapkan konsep dan proses asas keusahawanan (domain kognitif C3). CLO 2 mengarahkan pelajar untuk menghasilkan idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif (domain afektif A3). CLO 3 pula melibatkan pelaksanaan projek atau aktiviti keusahawanan oleh pelajar (domain psikomotor P4). Kesemua CLO ini bertujuan untuk mengasah kemahiran keusahawanan pelajar secara holistik.

Semasa dalam tempoh 14 minggu pelajar FPSK didedahkan dengan asas pembudayaan keusahawanan termasuk ;

- **Pengenalan Keusahawanan di Malaysia** – Kepentingan dan pembangunan keusahawanan.
- **Usahawan dan Keusahawanan** – Definisi, ciri-ciri, dan sifat usahawan.
- **Ideasi, Validasi Idea, dan Inovasi** – Proses penciptaan dan validasi idea.
- **Business Model Canvas (BMC)** – Komponen-komponen BMC.
- **Rancangan Perniagaan** – Kepentingan dan elemen rancangan perniagaan.
- **Pendaftaran Entiti Perniagaan & Pengurusan Organisasi** – Proses pendaftaran dan pengurusan perniagaan.

- **Perancangan Pemasaran untuk Permulaan Perniagaan** – Strategi pemasaran awal.
  - **Pemasaran Digital (1)** – WhatsApp, Facebook, Instagram, TikTok, & Dropship.
  - **Pemasaran Digital (2)** – Copywriting, Hardsell, Softsell, & Teaser.
  - **Pengurusan Sumber Manusia** – Pengurusan tenaga kerja perniagaan.
  - **Pengurusan Operasi** – Operasi perniagaan permulaan.
  - **Perancangan Kewangan untuk Perniagaan Permulaan** – Pengurusan kewangan awal.
  - **Etika, Profesionalisme, dan Tanggungjawab Sosial** – Etika dan tanggungjawab dalam perniagaan.
  - **Business Pitching** – Persediaan dan pelaksanaan pitching perniagaan.

Strategi penilaian dalam kursus ini merangkumi pelbagai komponen yang direka untuk menilai kemahiran dan pengetahuan pelajar secara menyeluruh. *Business E-Portfolio* menyumbang 40% daripada markah keseluruhan, memberi fokus kepada dokumentasi dan refleksi pelajar terhadap aktiviti keusahawanan mereka.

Strategi penilaian dalam kursus ini merangkumi pelbagai komponen yang direka untuk menilai kemahiran dan pengetahuan pelajar secara menyeluruh. *Business E-Portfolio* menyumbang 40% daripada markah keseluruhan, memberi fokus kepada dokumentasi dan refleksi pelajar terhadap aktiviti keusahawanan mereka.

<https://youtu.be/0QT3Fene0U>

**MPU3222: Foundation of Entrepreneurship Inculturation  
SEM 1, 2022/2023  
Pitching / Presentation (20%)**

**Group: FPSK 2022/23  
Nursing Yr 2 & Medic Yr 1**

### GROUP MEMBERS



Adrienne Augustine  
(78642)



Gloria Amanda Raphael  
(79482)



Marchella Mendung Anak Bak  
(78123)



Noor Syamimi Syazwani Binti Mohd Suffian  
(80410)



Scholastica Antonia Binti Steven  
(78515)



Selvianie Binti Saning  
(81111)



TOP 3



AVERAGE 3



BOTTOM 3

- Group Name & Link : GROUP 11 (GoNeeds Shop) & Link : <https://www.youtube.com/watch?v=sHWXEqBvTQ.....> 18%
- Group Name & Link : GROUP 2 (Oat Cakes) & Link : <https://www.youtube.com/watch?v=McMfeleGt.....> 17%
- Group Name & Link : GROUP 20 (Gourmet Foodies) & Link : <https://www.youtube.com/watch?v=JodHx0TyU.....> 16%

URL Link:

[URL Link](#)



Pelajar membuat Pitching mengenai produk keusahawanan untuk menarik pelanggan yang berpotensi dan menjadi penilaian kepada kursus ini [<https://www.youtube.com/watch?v=OOT3FeneOrU>]

*Business Pitching* pula merangkumi 20% dan menilai keupayaan pelajar dalam membentangkan idea perniagaan mereka secara profesional. *Peperiksaan Akhir* menyumbang 30%, menguji pemahaman pelajar terhadap konsep dan teori keusahawanan. Turut dinilai adalah penilaian rakan sesama kursus, *Peer Evaluation* yang merangkumi 10%, dalam sumbangan individu terhadap kerja berkumpulan.

Pengalaman dari kursus ini membolehkan pelajar memahami konsep asas keusahawanan, menghasilkan idea inovatif, dan melaksanakan projek keusahawanan. Dengan pendekatan yang holistik, pelajar dibimbing melalui proses yang diperlukan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka sendiri.

Selain daripada pembudayaan keusahawanan yang telah dinyatakan tadi, melalui Pusat Pemajuan Pelajar (PPP) UNIMAS, untuk ko-kurikulum berkredit, di bawah subteras daya usaha dan inovasi, Keusahawanan HEPA; FPSK turut membuka kursus *MPU 3432 Kesejahteraan & Penyelesaian Masalah (Health & Wellbeing)*. Kursus ini memupuk ciri kepimpinan & semangat kerjasama antara pelajar dari pelbagai bidang, yang bukan dari latar belakang perubatan dan kejururawatan. Kursus selama 12 minggu ini terbuka kepada 30 pelajar, dengan objektif menggalakkan pemahaman dan kolaborasi interdisiplin.

Dalam kursus ini, pelajar diperkenalkan dengan topik seperti **Design Thinking & Problem Solving**, **Social Innovation & Entrepreneurship**, serta **Applying Healthcare to Social Innovation & Problem Solving**. Mereka juga berpeluang mengasah kemahiran melalui penganjuran forum online serta pameran; semasa Hari Ko-kurikulum.



**Design Thinking** adalah pendekatan penyelesaian masalah yang berpusatkan pengguna, terdiri daripada lima langkah utama yang berkait dan berulang: **Empati** (memahami keperluan dan perasaan pengguna melalui pemerhatian dan interaksi), **Menentukan Masalah** (mengenal pasti isu utama berdasarkan maklumat yang diperoleh), **Mengideakan** (menghasilkan pelbagai idea penyelesaian melalui proses kreatif), **Mencipta Prototaip** (membangunkan model awal penyelesaian untuk diuji), dan **Pengujian Prototaip** (untuk mendapatkan maklum balas dan memperbaikinya).


Dalam kursus MPU 3432 ini, pendekatan **Social Innovation & Social Entrepreneurship (SISE)** yang didedahkan memberi perspektif bagaimana untuk menolong golongan yang memerlukan (beneficiary), melalui pendekatan keusahawanan yang mampan.

## Pilihan Hidup Sihat

M. M. Hamdi, BBA,MedSci, MS, PhD, F-L, LIBMS, PhD.  
Dept. Para-Clin. Sciences,  
FMHS, UNIMAS

MPU 3432 Subteras Creativity & Wellbeing  
Sabtu 21-5-22  
8am – 5.30pm  
ZOOM

Please click this URL to join.  
<https://meet.google.com/mja-reki-avc>



**Social Innovation & Social Entrepreneurship (SISE)** menggunakan tiga model pendekatan keusahawanan, **External Model** ialah penggunaan dana dari luar seperti derma atau geran untuk menyokong projek sosial; **Integrated Model** ialah penyepaduan aktiviti sosial dan operasi perniagaan, dan keuntungan digunakan untuk misi sosial; **Embedded Model** ialah misi sosial dan perniagaan sepenuhnya digabungkan dengan setiap aspek perniagaan secara langsung. Kesemua model ini menawarkan cara yang berbeza untuk mencapai impak sosial yang berterusan.

Penekanan kepada model keusahawanan sosial yang didedahkan ini berbeza dengan pendekatan NGO kemanusiaan. Dalam kursus tersebut, usahawan sosial boleh memilih model keusahawanan yang sesuai dengan visi mereka, sama ada **external**, **integrated**, atau **embedded**.

Lebih menarik lagi, kursus ini tidak hanya tertumpu kepada teori tetapi juga aspek kesejahteraan pelajar secara menyeluruh. Perkongsian pengisian merangkumi topik seperti *Concept of Wellness, Happiness, Stress, Anxiety & Getting Back on Track*, serta *Use of Creativity & Wellbeing In Maintaining Good Health* membolehkan pelajar memahami dan mengaplikasikan konsep kesejahteraan dalam kehidupan harian mereka. Konsep kesejahteraan ini penting supaya para pelajar mempunyai motivasi dalaman diri mereka sendiri, selain menolong ahli komuniti yang memerlukan.

### • Aktiviti Biro Keusahawanan UNIMED

Melalui Biro keusahawanan UNIMED telah menjalankan beberapa aktiviti sepanjang sesi 2023/2024. Fokus utama biro ini adalah untuk menjana pendapatan tambahan bagi UNIMED melalui penjualan barang yang berkaitan dengan pelajar perubatan dan kejururawatan. Tiga aktiviti terlibat adalah 1) Penjualan Lab Coat, 2) Penjualan Pakaian Seragam Kejururawatan dan 3) Penjualan Stetoskop Medic dan Kejururawatan.

Sepanjang sesi ini Keusahawanan UNIMED telah berjaya menjual sejumlah 125 helai lab coat. Setiap lab coat dijual pada harga RM68 per helai dengan keuntungan sebanyak RM3 bagi setiap helai lab coat yang dijual yang menghasilkan pendapatan sebanyak RM8,125, dengan keuntungan bersih daripada aktiviti ini adalah sebanyak RM375.

Disamping itu, Biro Keusahawanan UNIMED juga telah menjalankan penjualan pakaian seragam kejururawatan dengan pelbagai jenis lengan sepanjang sesi 2023/2024. Secara keseluruhan, sebanyak 147 helai pakaian seragam telah dijual, menghasilkan pendapatan sebanyak RM21,185. Sama seperti penjualan lab coat, UNIMED mengambil keuntungan sebanyak RM3 bagi setiap helai pakaian seragam yang dijual, memberikan keuntungan bersih aktiviti ini sebanyak RM441.


Bagi penjualan stetoskop untuk pelajar perubatan dan kejururawatan. Aktiviti penjualan ini sedang berlangsung dan UNIMED bercadang untuk melanjutkan pembukaan tempahan bagi sesi pengambilan baharu pada tahun akademik 2024/2025. Walaupun pendapatan dan keuntungan bagi aktiviti ini masih dalam proses pengiraan, UNIMED optimis bahawa penjualan stetoskop akan memberikan sumbangan yang positif kepada kewangan organisasi pada masa hadapan.

**Jadual 1: Aktiviti Biro Keusahawanan UNIMED**

Aktiviti	Jumlah Penjualan	Harga Per Unit (RM)	Jumlah Pendapatan (RM)	Keuntungan Per Unit (RM)	Jumlah Keuntungan (RM)
<b>Penjualan Lab Coat</b>	Batch 1: 91 helai Batch 2: 34 helai Jumlah: 125 helai	68	8,125	3	375
<b>Penjualan Pakaian Seragam Kejururawatan</b>	<b>Lengan Pendek:</b> 59 helai <b>Lengan Setengah:</b> 55 helai <b>Lengan Panjang:</b> 33 helai Jumlah: 147 helai	143 (Lengan Pendek) 148 (Lengan Setengah) 153 (Lengan Panjang)	21,185	3	441
<b>Penjualan Stetoskop</b>	Sedang dijalankan (untuk Medic dan Nursing)	-	-	-	-
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			29,310		816

### “Start-Up”

Startup merujuk kepada sebuah syarikat yang berada di peringkat awal operasi, biasanya diasaskan oleh usahawan yang percaya terdapat permintaan terhadap produk atau perkhidmatan yang mereka ingin kembangkan. Perjalanan untuk membina sebuah startup melibatkan beberapa langkah penting seperti membangunkan idea yang kukuh, merangka pelan perniagaan, mendapatkan dana, dan membina asas pelanggan, yang boleh digambarkan melalui sebuah *Business Model Canvas* (BMC).



*Business Model Canvas* (BMC) adalah satu alat pengurusan strategik yang menyediakan rangka kerja visual untuk membangunkan, menerangkan, dan menganalisis model perniagaan. Ia terdiri daripada sembilan elemen utama yang merangkumi aspek penting dalam perniagaan iaitu; Komponen tersebut adalah **Segmen Pelanggan** (siapa pelanggan sasaran), **Tawaran Nilai** (apa nilai unik yang ditawarkan), **Saluran** (cara produk sampai kepada pelanggan), **Hubungan Pelanggan** (bagaimana menjaga hubungan dengan pelanggan), **Aliran Pendapatan** (cara perniagaan menjana pendapatan), **Sumber Utama** (aset penting untuk menjalankan perniagaan), **Aktiviti Utama** (aktiviti penting yang diperlukan untuk menawarkan nilai), **Rakan Kongsi Utama** (pihak yang bekerjasama untuk kejayaan perniagaan), dan **Struktur Kos** (kos yang terlibat dalam operasi perniagaan).

Bekerja di startup menawarkan pelbagai manfaat unik seperti pertumbuhan kerjaya yang pantas, peluang pembelajaran yang pelbagai, dan peluang untuk menjadi sebahagian daripada persekitaran yang kreatif dan fleksibel. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran seperti bekerja dalam persekitaran yang kompetatif, menyesuaikan diri dengan waktu kerja yang tidak menentu, dan bersedia untuk menghadapi ketidakpastian. Kitaran hidup startup biasanya dibahagikan kepada tiga peringkat: peringkat awal, peringkat pertumbuhan, dan peringkat akhir, setiap satu dengan ciri dan cabarannya yang tersendiri. Hanya dengan sokongan yang baik, suatu “start-up” boleh dikembangkan.

Lanjutan dari kursus keusahawanan, pelajar juga diberikan sokongan kepada yang ingin memulakan "start-up" melalui bimbingan bersama dengan Pusat Keusahawanan UNIMAS (UEC). Mereka boleh mendaftarkan perniagaan dalam Syarikat Siswa UNIMAS (SSU), yang seterusnya membolehkan pelajar mendapat lesen untuk berniaga di kampus.

**ZILLA'S LIPS**

HASILKAN PRODUK PENJAGAAN BIBIR SENSITIF

**Usahawan**  
Siti Nur Azila Mohammad Sufian

**Penulis**  
Dr. Norazirah Ayob  
En. Ahmad Syubaili Mohamed

*Usahawan Siswa : Memata Haluan, Melakar Jaya*

Buku Usahawan Siswa, mengumpulkan kisah sebenar usahawan dari IPTA diseluruh negara, termasuk UNIMAS [<https://ir.unimas.my/id/eprint/37172/1/BUKU%20USAHAWAN%20SISWA.pdf>]

Dengan berdaftar, pelajar berpeluang mendapat geran pembiayaan awal serta ruang kerja yang sesuai. Ini mendorong pelajar untuk meneroka peluang pasaran di bimbing dari mentor yang berpengalaman. Selain itu, Unit Keusahawanan UNIMAS juga memudahkan cara hubungan antara pelajar dan pemain industri selaku platform untuk mempersembahkan idea perniagaan mereka kepada pelabur berpotensi.

- Pertandingan Pelajar

Pertandingan keusahawanan merupakan salah satu aktiviti penting yang dianjurkan oleh Unit Keusahawanan.

**GOLD AWARD  
(PERMAINAN DIGITAL)  
&  
TEMPAT KE-3  
(BOOTH PALING BERINFORMASI)**

WAN MOHAMAD HAZIQ BIN WAN ALWI  
RONAD JEDOL DAYOU  
CHEMMYLINE DAYMON  
MISHELLYIANA SU  
MENTOR:  
TS. DR SURIATI KHARTINI JALI  
(FSKTM)

**SILVER AWARD  
(FILEM PENDEK)**

HAZIQ ANWAR FEISAL SHAMSURI  
HAFIZ SYAZWAN BIN SALI  
MIQAEEL MUKHALIZ  
'AIZAT BIN ABDUL RAHMAN

MENTOR:  
DR ABDUL RIEZAL DIM  
(FSGK)

@ENTREPRENEURSHIP.UNIMAS PUSAT KEUSAHAWANAN UNIMAS WWW.ENTREPRENEURSHIP.UNIMAS.MY

*Digital Innovation & Creativepreneur di UNIMAS adalah inisiatif untuk menggalakkan pelajar dan graduan meneroka bidang keusahawanan kreatif melalui penggunaan teknologi digital. Program ini menggabungkan kreativiti dengan inovasi digital untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang unik serta relevan dengan ekonomi moden. [<https://www.facebook.com/photo?fbid=892667746221526&set=a.453023786852593>]*

Pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar untuk menguji idea perniagaan mereka dalam suasana yang kompetitif dan mendapat maklum balas daripada juri yang terdiri daripada usahawan dan pakar industri. Melalui pertandingan ini, pelajar bukan sahaja dapat mempamerkan kreativiti mereka, tetapi juga berpeluang untuk mendapatkan pembiayaan dan sokongan untuk merealisasikan idea mereka.

## Kesimpulan

Unit Keusahawanan di FPSK UNIMAS memainkan peranan yang penting dalam membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar. Dengan pelbagai aktiviti dan sokongan yang disediakan, Unit ini tidak hanya membantu pelajar dalam membina kemahiran keusahawanan, tetapi juga menyediakan laluan untuk mereka menjadi usahawan yang berjaya. Semoga Unit Keusahawanan terus berkembang dan menjadi nadi kepada pembangunan keusahawanan di UNIMAS.

## Senarai Rujukan

### 1. Buku Usahawan Siswa

Sumber: <https://online.anyflip.com/nvtoa/nkau/mobile/index.html>.

### 2. Entrepreneurship Action Plan for Higher Education Institutions 2021-2025

Sumber: <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/ptk-ipt/2021-2025/521-ptk-ipt-2021-2025-bm/file>.

### 3. MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE)

Sumber: <https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/en/publication/130-panduan-pendidikan-keusahawanan-bersepadu-entrepreneurship-integrated-education-guide>.

### 4. Program Dana, Pusat Keusahawanan UNIMAS

Sumber: <https://www.entrepreneurship.unimas.my/index.php/courses-list/funding>.

### 5. Program Inkubator, Pusat Keusahawanan UNIMAS

Sumber: <https://www.entrepreneurship.unimas.my/index.php/courses-list/highlights>.

### 6. Sistem Pendaftaran Syarikat Siswa UNIMAS (SSU)

Sumber: <https://entrepreneurship.ia.unimas.my/#/login?redirect=%2Fprofile;appId%3D1647>.

### 7. Start-up, Pusat Keusahawanan UNIMAS

Sumber: <https://www.entrepreneurship.unimas.my/index.php/startup>.

### 8. UNIMAS Entrepreneurship Unit

Sumber: <https://www.entrepreneurship.unimas.my/>.

### 9. UNIMAS Student Entrepreneur Handbook

Sumber: <https://heyzine.com/flip-book/2f98febaf8.html>.

## **BAB 5**

### **PERSATUAN PELAJAR**

Bab 5 akan menerangkan fungsi dan peranan unit tersebut di peringkat fakulti serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dibawah unit termasuk memaparkan link berkaitan bagi memudahkan pelajar untuk mengikuti aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dibawah unit ini. Disamping itu, bab ini juga akan memperkenalkan persatuan-persatuan pelajar serta struktur organisasi masing dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

#### **5.1 Peranan Persatuan Pelajar Fakulti**

Persatuan pelajar fakulti memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan dan kesejahteraan mahasiswa. Mereka menjadi penghubung utama antara pelajar dan pihak pentadbiran universiti, serta menyediakan platform untuk mahasiswa menyuarakan pandangan dan isu-isu yang dihadapi. Berikut adalah beberapa peranan utama persatuan pelajar fakulti di universiti awam:

##### **i. Memperkasakan Hak dan Kebajikan Pelajar**

Persatuan pelajar berfungsi sebagai wakil pelajar dalam memperkasakan hak dan kebajikan mereka. Mereka sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa kebajikan pelajar terjaga dengan menyalurkan isu-isu berkaitan kepada pihak universiti dan mencari penyelesaian terbaik.

##### **ii. Menyediakan Peluang Pembangunan Diri**

Melalui pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, mahasiswa mendapat peluang untuk mengembangkan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, dan kerjasama dalam pasukan. Aktiviti seperti bengkel, seminar, dan program kepimpinan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran interpersonal mereka.

##### **iii. Menggalakkan Penyertaan dalam Aktiviti Kokurikulum**

Persatuan pelajar menganjurkan pelbagai aktiviti kokurikulum yang menarik seperti pertandingan sukan, malam kebudayaan, dan ekspo kerjaya. Aktiviti ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk bersosial dan berinteraksi dengan rakan-rakan dari pelbagai latar belakang, tetapi juga membantu dalam meningkatkan kebolehan dan keyakinan diri mereka.

#### **iv. Memupuk Semangat Kesukarelawan dan Kepedulian Sosial**

Persatuan pelajar sering menganjurkan program-program kesukarelawan yang melibatkan komuniti setempat. Aktiviti seperti gotong-royong, lawatan amal, dan bantuan kemanusiaan membolehkan pelajar memberi sumbangan kepada masyarakat dan memupuk semangat kesukarelawan serta kepedulian sosial dalam kalangan mahasiswa.

#### **v. Menjalin Hubungan dengan Pelbagai Agensi Luar:**

Melalui kerjasama dengan pelbagai agensi luar, persatuan pelajar dapat membuka peluang kepada pelajar untuk menjalinkan hubungan dengan industri, organisasi bukan kerajaan (NGO), dan pihak lain yang berkaitan. Ini memberikan pendedahan awal kepada pelajar tentang dunia luar dan membina jaringan profesional yang berguna selepas tamat pengajian.

Secara keseluruhannya, persatuan pelajar fakulti di universiti awam memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga aktif dalam aktiviti kurikulum dan peka terhadap isu-isu sosial. Mereka adalah tulang belakang yang menyokong kesejahteraan dan perkembangan menyeluruh pelajar di universiti awam.

### **5.2 Pengenalan Kepada Unimas Medical Society (UNIMED)**

UNIMAS Medical Society atau lebih dikenali sebagai UNIMED merupakan sebuah organisasi pelajar di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS. UNIMED komited untuk memperkasa pelajar ke arah komuniti yang berkongsi visi. Persatuan ini bertujuan untuk membolehkan pelajar bertukar-tukar ilmu, nilai dan kepercayaan secara bebas dalam komuniti kesihatan. Kami berusaha untuk mewujudkan komuniti yang menyokong dan inklusif bagi pelajar, memupuk kecemerlangan akademik, pembangunan profesional dan kemahiran insani. Melalui pelbagai acara, bengkel dan inisiatif, kami bertujuan untuk meningkatkan keseluruhan pengalaman pelajar dan menyumbang kepada kemajuan bidang penjagaan kesihatan. UNIMED telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun. Melalui kerjasama dengan Persatuan Mahasiswa Perubatan Asia (AMSA) fakulti kita dan Persatuan Perubatan Pascasiswazah (PGMED) yang baru ditubuhkan, UNIMED dapat berfungsi dengan prestasi terbaik.

#### **Visi**

- Membolehkan pelajar bertukar-tukar ilmu, nilai dan kepercayaan secara bebas dalam komuniti kesihatan melalui pengalaman universiti.

#### **Misi**

- Membina kuasa pelajar ke arah komuniti bersama.

#### **Slogan**

- UNIMED, Ke Arah Kecemerlangan.

## CARTA ORGANISASI UNIMED UNIMAS SESI 2024/2025

# UNIMAS Medical Society 2024/2025 Session

UNIMED | Excellence Through Unity



Telegram: @unimedfmhs Facebook: UNIMAS Medical Society

### Hubungi UNIMED:

Instagram: @unimedfmhs

Facebook: UNIMAS Medical Society

### **5.3 Pengenalan Kepada Postgraduate Medical Society (PGMED)**

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FMHS) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) merupakan rumah bagi komuniti pelajar pascasiswazah yang komited terhadap kecemerlangan akademik dan profesional. Untuk menyokong dan meningkatkan komuniti ini, Persatuan Pascasiswazah, yang dikenali sebagai PGMED, telah ditubuhkan pada Mac 2024. PGMED bertujuan untuk memupuk persekitaran yang padu, menyokong, dan kolaboratif bagi meningkatkan pengalaman pascasiswazah melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti.

PGMED mengimpikan kewujudan komuniti pascasiswazah yang bersatu dan mampan di FMHS UNIMAS. Misi PGMED merangkumi usaha untuk memupuk kecemerlangan akademik, mempromosikan pembangunan profesional, dan membina komuniti yang saling menyokong. Dengan merapatkan jurang antara pelajar dan fakulti, PGMED memastikan bahawa suara dan keperluan pelajar pasca siswazah didengar dan diambil kira oleh pihak pengurusan. Melalui komunikasi dan kerjasama yang berkesan, PGMED mencipta persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan peribadi dan akademik.

Salah satu fungsi utama PGMED adalah untuk mempromosikan kecemerlangan akademik dan penyelidikan dalam kalangan pelajar pascasiswazah. Persatuan ini menganjurkan webinar penyelidikan, bengkel penyelidikan, dan menyediakan sumber eksklusif untuk membantu dalam penyelidikan dan penulisan tesis. Inisiatif ini membolehkan pelajar memperoleh wawasan dan pengetahuan daripada rakan dan pensyarah yang berwibawa serta sehaluan, dengan itu memperkuuhkan kemampuan penyelidikan mereka. Selain itu, PGMED berdedikasi untuk membangunkan keupayaan profesional ahlinya. Dengan mewujudkan peluang untuk pembangunan kemahiran dan kemajuan kerjaya, persatuan ini membantu dalam membangunkan modal insan yang berkemahiran dan berprestasi tinggi. Aktiviti seperti pengajuran webinar, program komuniti, bengkel penyelidikan dan juga larian sukaneka direka untuk meningkatkan pengalaman dan kecekapan profesional pelajar pascasiswazah.

Satu lagi peranan penting PGMED adalah untuk menawarkan sistem sokongan yang kukuh untuk pelajar pascasiswazah. Mengakui cabaran yang dihadapi semasa pengajian pasca siswazah, persatuan ini menyediakan platform di mana pelajar boleh mendapatkan bantuan dan sokongan pada waktu memerlukan. Sistem ini dibina atas prinsip sokongan komuniti PGMED, memastikan bahawa pelajar tidak berasa terasing dalam perjalanan akademik mereka. Menjalinkan rangkaian atau *networking* juga merupakan aspek penting dalam pengalaman pascasiswazah yang difasilitasikan oleh PGMED. Persatuan ini menyediakan peluang untuk pelajar bertemu ahli lain yang mempunyai minat akademik atau sosial yang sama, yang boleh membawa kepada kerjasama dan perkongsian yang berharga, memperkayakan pengalaman pasca siswazah.

Selain daripada pembangunan akademik dan profesional, PGMED menekankan kepentingan memberi kembali kepada komuniti. Persatuan ini menganjurkan acara perkhidmatan komuniti dan kebajikan, memupuk rasa tanggungjawab dan penglibatan dalam kalangan pelajar pascasiswazah.

Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga meningkatkan pertumbuhan peribadi dan kepuasan pelajar. Selain itu, PGMED menyediakan platform untuk pelajar meneroka dan mengembangkan minat mereka, sama ada akademik atau profesional. Persatuan ini menggalakkan pelajar untuk mengejar minat mereka dan mengembangkan kemahiran mereka dalam pelbagai bidang yang diminati.

Sejak penuhuhannya, PGMED telah aktif menganjurkan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk memenuhi misi dan objektifnya. Ini termasuk mesyuarat pasukan, webinar, bengkel penyelidikan, dan kerjasama dengan pelbagai persatuan dan organisasi luar. Inisiatif ini telah meletakkan atas yang kukuh untuk membangunkan komuniti pascasiswazah yang lestari. PGMED menggalakkan penyertaan aktif daripada pelajar pascasiswazah, pensyarah, dan kakitangan fakulti. Pelajar dijemput untuk menyertai persatuan ini dan menyumbang kepada aktivitinya. Manakala pensyarah dan penyelia fakulti digalakkan untuk memperkenalkan pelajar mereka kepada PGMED.

PGMED berharap dapat memberikan kesan positif yang berkekalan terhadap pengalaman pascasiswazah di FMHS UNIMAS. Untuk maklumat lanjut, pelajar pascasiswazah, pensyarah, dan kakitangan fakulti digalakkan untuk berhubungi PGMED melalui email atau platform media sosial. PGMED menantikan sokongan dan kerjasama yang berterusan daripada semua, dalam usaha untuk meningkatkan pengalaman pelajar pascasiswazah di FMHS UNIMAS.

Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan PGMED serta aktiviti-aktiviti persatuan, sila tekan link dibawah:

Facebook: <https://www.facebook.com/profile.php?id=61560642630353>

Instagram: <https://www.instagram.com/pgmedunimas/>

Email: [pgmedunimas@gmail.com](mailto:pgmedunimas@gmail.com)

## Carta Organisasi Persatuan Pascasiswazah Perubatan



## **5.4 Pengenalan Kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS terdiri daripada 16 orang barisan kepimpinan yang merupakan mahasiswa UNIMAS yang telah diberi kepercayaan untuk mewakili mahasiswa bagi program pengajian masing-masing serta membawa nama UNIMAS ke peringkat yang lebih tinggi. MPP berperanan sebagai medium perantaraan antara mahasiswa dengan pihak pengurusan selain menganjurkan aktiviti yang bermanfaat untuk mahasiswa UNIMAS. Selain menjadi wakil pelajar, MPP juga bertanggungjawab menjaga kebijakan dan hak para pelajar dalam usaha melahirkan mahasiswa yang unggul dari sudut sahsiah dan akademik bertepatan dengan slogan MPP. Secara keseluruhannya, Majlis Perwakilan Pelajar UNIMAS memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan dan kesejahteraan mahasiswa. Dengan kepimpinan yang berkesan dan komitmen yang tinggi, MPP UNIMAS dapat membantu memastikan suara pelajar didengari dan kepentingan mereka terpelihara. MPP juga memupuk semangat kepimpinan dan kerjasama dalam kalangan pelajar, menjadikannya sebagai platform yang berharga untuk membina masa depan yang lebih baik bagi mahasiswa UNIMAS.

### **Peranan MPP**

#### **i. Menjaga Kebajikan Mahasiswa**

MPP UNIMAS bertanggungjawab memastikan kebijikan mahasiswa terpelihara dengan memberikan perhatian kepada isu-isu yang dihadapi oleh pelajar. Mereka berusaha untuk menyediakan bantuan dan sokongan kepada pelajar yang memerlukan, terutamanya dalam aspek kebijikan, akademik, dan psikologi.

#### **ii. Memperjuangkan Hak Pelajar**

Sebagai wakil pelajar, MPP UNIMAS memperjuangkan hak-hak pelajar dalam pelbagai aspek seperti kebijikan, kemudahan, dan pendidikan. Mereka berperanan untuk menyuarakan sebarang isu atau ketidakpuasan hati pelajar kepada pihak pengurusan universiti dan berusaha mencari penyelesaian yang terbaik.

#### **iii. Menganjurkan Program dan Aktiviti**

MPP UNIMAS menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang bertujuan untuk memperkaya pengalaman mahasiswa di universiti. Aktiviti seperti seminar, bengkel, sukan, dan kebudayaan dapat membantu pelajar mengembangkan bakat dan kemahiran insaniah mereka, di samping memupuk semangat kerjasama dan paduan dalam kalangan pelajar.

#### **iv. Memupuk Kepimpinan dalam Kalangan Pelajar**

MPP UNIMAS menyediakan platform kepada pelajar untuk mengasah kemahiran kepimpinan dan membina keyakinan diri. Dengan terlibat dalam MPP, pelajar berpeluang untuk memimpin dan mengurus program-program penting, serta berinteraksi dengan pelbagai pihak di dalam dan luar universiti.

##### **Kepentingan MPP**

###### **i. Memastikan Suara Pelajar Didengari**

MPP UNIMAS berperanan sebagai suara pelajar, memastikan bahawa pandangan dan keperluan mahasiswa diambil kira oleh pihak universiti. Dengan adanya MPP, pelajar mempunyai saluran rasmi untuk menyuarakan pendapat mereka mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan kehidupan kampus.

###### **ii. Memperkuatkan Komunikasi antara Pelajar dan Pengurusan Universiti**

Melalui MPP, komunikasi antara pelajar dan pihak pengurusan universiti menjadi lebih berkesan. MPP bertindak sebagai penghubung yang memastikan maklumat penting disampaikan kepada pelajar dan sebaliknya.

###### **iii. Meningkatkan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kampus**

MPP UNIMAS menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam pelbagai aktiviti kampus, yang bukan sahaja dapat memperkayakan pengalaman mahasiswa tetapi juga membina komuniti kampus yang dinamik dan inklusif.

## CARTA ORGANISASI MPP UNIMAS SESI 2024/2025



### Hubungi MPP:

Instagram: @mppunimas


Facebook: <https://www.facebook.com/mppunimas>

Tel: +60 82581852


Fax: +60 82581850

Emel: [bpps-support@unimas.my](mailto:bpps-support@unimas.my)


**Lampiran 1:** Carta Organisasi Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti




**Lampiran 2: Carta Alir Unit Khidmat Pelajar: Kaunseling dan Psikologi (Pengurusan Bantuan Kewangan Pelajar)**




**Lampiran 3:** Carta Alir Unit Khidmat Pelajar: Kegiatan Pelajar  
(Permohonan untuk Pendaftaran kelab/ Persatuan)



**Lampiran 4:** Carta Urusan Penjatuhan Hukuman Salah Laku Tataterib Pelajar (Bukan Akademik)



#### Lampiran 4 (samb...)



## Lampiran 5: Infografik Unit Kebajikan Mahasiswa UNIMAS (UKeM)

# UNIT KEBAJIKAN MAHASISWA

Unit Kebajikan Mahasiswa memegang peranan yang sentral dalam menjaga keperluan pelajar di institusi pendidikan tinggi. Fungsi utama unit ini adalah menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang memerlukan, serta memberikan sokongan khusus kepada golongan tertentu.

## Fungsi dan Perkhidmatan

### Bantuan Kewangan Pelajar

Unit Kebajikan Mahasiswa bertanggungjawab dalam menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang menghadapi kesukaran kewangan dalam tempoh pengajian di UNIMAS.

Maklumat lanjut di sini:



### Bantuan Kewangan OKU

Unit Kebajikan Mahasiswa sebagai perantara antara KPT dgn pelajar berkeperluan khas dengan memberikan perkhidmatan pendaftaran OKU bagi bantuan kewangan seperti yuran pengajian dan sara diri yang bersesuaian dengan keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini.



### Tuntutan Insurans

Unit Kebajikan Mahasiswa sebagai perantara pelajar dan Pejabat Bendahari UNIMAS dalam membantu mengurus dokumentasi berkaitan tuntutan insurans pelajar bagi tuntutan insurans kemalangan dan kematian (Pra Siswazah-Malaysia).

Maklumat lanjut di sini:



### Tajaan

Unit Kebajikan Mahasiswa menyediakan maklumat dan bantuan kepada pelajar yang memerlukan tajaan untuk menyambung pengajian mereka. Ini termasuklah penajaan daripada organisasi atau badan yang bersedia memberi sokongan kewangan kepada pelajar yang berprestasi tinggi tetapi kurang berkemampuan.

Maklumat lanjut di sini:



### Program Siswa SULUNG 2.0

Unit Kebajikan Mahasiswa bertanggungjawab dalam melaksanakan Program Siswa SULUNG 2.0, satu inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi bagi menyediakan peluang menyambung pengajian dengan membantu pembiayaan pendidikan (yuran pengajian) kepada pelajar kategori B40 yang belum ada ahli keluarganya melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

Maklumat lanjut di sini:



## Lampiran 6: Infografik Prosedur Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS



## Lampiran 7: Infografik Jenis-Jenis Bantuan Kewangan UNIMAS



**JENIS-JENIS BANTUAN KEWANGAN PELAJAR**  
**TYPES OF STUDENT FINANCIAL AID**



**BANTUAN KEWANGAN (FINANCIAL ASSISTANCE)**

- Bayaran yuran pengajian (Tuition fees)
- Bayaran yuran kolej (College fees)
- Sara hidup (Sustenance expenditures)

\*Bantuan hanya diberi sekali sepanjang pengajian  
(Assistance is provided on a singular occasion during the entire duration of the academic program)

**Syarat-Syarat Permohonan**

- Permohonan terbuka kepada semua pelajar berstatus AKTIF yang memerlukan bantuan kewangan.
- Bukan penerima tajaan/ blosiwa/ pinjaman kewangan.
- Pendapatan isi rumah berada dalam kategori B40.
- Permohonan dibuat untuk keperluan semester semasa sahaja.
- Pelajar dikehendaki hadir sesi temuduga (bersemuka/ atas talian) pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

**Terms of Application**

- Applications are open to all students with ACTIVE status in need of financial assistance.
- Not a recipient of sponsorship/ scholarship/ financial loan.
- The household income falls under the B40 category.
- Applications are made for the needs of the current semester only.
- Students are required to attend the interview session (face-to-face/ online) on the specified date and time.



**KEMATIAN IBUBAPA/ SUAMI/ ISTERI/ ANAK PELAJAR (DEATH OF A STUDENT'S PARENT/ HUSBAND/ WIFE/ CHILD)**

- Tiket penerbangan pergi balik bagi pelajar Sabah/ Semenanjung/ luar kawasan Kuching (Return flight ticket for students from Sabah/ Peninsula/ outside Kuching area)
- Tuntutan khairat kematian sebanyak RM500.00 (Claim for death benefit: RM500.00)

\*Bantuan hanya diberi dua kali sepanjang pengajian (Assistance is provided twice during the entire duration of the academic program)



**MUSIBAH (DISASTER)**

- Banjir (Flood)
- Tanah runtuh (Landslide)
- Kebakaran (Fire)
- Kemalangan atau malapetaka semula jadi yang menyebabkan kerosakan. (An accident or a natural catastrophe that causes damage)
- Bantuan musibah sebanyak RM500 (Financial assistance for disaster relief totaling RM500.00)

\*Bantuan hanya diberi sekali sepanjang pengajian. (Assistance is provided on a singular occasion during the entire duration of the academic program)



**BANTUAN ATAS BUDI BICARA JAWATANKUAS A BANTUAN KEWANGAN (ASSISTANCE AT THE DISCRETION OF THE FINANCIAL AID COMMITTEE)**

- Kemalangan (Accident)
- Kecacatan (Disability)
- Ibubapa atau penjaga yang sakit tenat (Parent/ guardian who is terminally ill)



**KEMATIAN PELAJAR (STUDENT DEATH)**

- Pengurusan jenazah bagi kematian pelajar (Administration of deceased student affairs)
- Tuntutan khairat kematian sebanyak RM500.00. (Claim for death benefit: RM500.00)

**Syarat-Syarat Permohonan**

- Permohonan terbuka kepada semua pelajar berstatus AKTIF yang memerlukan bantuan kewangan.
- Permohonan dibuat untuk keperluan semester semasa sahaja.
- Permohonan hendaklah dilampirkan dengan dokumen sokongan yang disahkan seperti:
  - Sijil kematian (khairat kematian)
  - Surat pengesahan berlakunya musibah (Pengesahan oleh Ketua Kampung/ Ketua Komuniti/ Pejabat Daerah/ Polis)
  - Surat pengesahan status kesihatan/ kecaccatan daripada doktor atau pengamal perubatan yang berdaftar.

**Terms of Application**

- Applications are open to all students with ACTIVE status who require financial assistance.
- Applications are made solely for the current semester's needs.
- Applications must be accompanied by certified supporting documents, such as:
  - Death certificate (for bereavement assistance)
  - Official letter confirming the occurrence of a misfortune (certified by the Village Headman/ Community Leader/ District Office, or Police)
  - Official letter confirming health status/ disability from a doctor or registered medical practitioner.

Lampiran 8: Senarai Semak Penghantaran Borang Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar



**SENARAI SEMAK BAGI PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN  
BANTUAN KEWANGAN PELAJAR UNIMAS**  
**CHECKLIST FOR THE SUBMISSION OF UNIMAS STUDENT FINANCIAL  
AID APPLICATION FORM**

Cetak Senarai Semak dan Borang Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS menggunakan kertas A4 berwarna hijau (Print the Checklist and UNIMAS Student Financial Assistance Application Form on green A4 paper)

Isi Borang Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS dengan lengkap (Fill in the UNIMAS Student Financial Assistance Application Form completely)

Dokumen sokongan berdasarkan jenis-jenis bantuan kewangan yang dimohon (Supporting documents required based on the type of financial assistance applied for)

**BANTUAN KEWANGAN PELAJAR – YURAN PENGAJIAN/ YURAN KOLEJ/ SARA DIRI  
(STUDENT FINANCIAL ASSISTANCE – TUITION FEES / COLLEGE FEES / LIVING ALLOWANCE)**

- \* Slip gaji/ pengesahan pendapatan ibubapa yang telah **DISAHKAN** (CERTIFIED payslip/income verification of parents)

**BANTUAN KEWANGAN PELAJAR – KHAIRAT KEMATIAN IBU/ BAPA/ SUAMI/ ISTERI/ ANAK  
PELAJAR/ PELAJAR (STUDENT FINANCIAL ASSISTANCE - BEREAVEMENT AID FOR THE  
DEATH OF A PARENT / SPOUSE / CHILD / STUDENT)**

- \* Salinan Sijil kematian yang telah **DISAHKAN** (CERTIFIED copy of the death certificate)

**BANTUAN KEWANGAN PELAJAR – MUSIBAH  
(STUDENT FINANCIAL ASSISTANCE – DISASTER)**

- \* Surat pengesahan berlakunya musibah yang telah **DISAHKAN** – Pengesahan oleh Ketua Kampung/ Ketua Komuniti/ Pejabat Daerah/ Polis (CERTIFIED letter confirming the occurrence of a disaster – Endorsed by the Village Head/ Community leader/ District Office/ Police)

**BANTUAN KEWANGAN PELAJAR – KEMALANGAN  
(STUDENT FINANCIAL ASSISTANCE – ACCIDENT)**

- \* Salinan laporan polis yang telah **DISAHKAN** (CERTIFIED copy of the police report)

**BANTUAN KEWANGAN PELAJAR – PELAJAR OKU/ KURANG UPAYA  
(STUDENT FINANCIAL ASSISTANCE – STUDENTS WITH DISABILITIES)**

- \* Salinan laporan perubatan yang memerlukan pembelian alatan perubatan daripada doktor atau pengamal perubatan berdaftar yang telah **DISAHKAN** (CERTIFIED copy of the medical report indicating the need for medical equipment, issued by a doctor or registered medical practitioner)

Semakan dan Ulasan Sokongan daripada Timbalan Dekan (HEPA) Fakulti pada Bahagian C (Review and Endorsement Remarks from the Deputy Dean (HEPA) of the Faculty in Section C)

Hantar **barang bersama memo** daripada pihak fakulti kepada Ketua Sekyen Kebajikan Pelajar, Pusat Khidmat Pelajar (Submit the form along with a memo from the faculty to the Head of the Student Welfare Section, Centre for Student Services)



## Lampiran 9: Borang Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar UNIMAS

 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK CENTRE FOR STUDENT SERVICES									
<b>PERMOHONAN BANTUAN KEWANGAN PELAJAR UNIMAS</b> <b>Student Financial Assistance Application Form UNIMAS</b>									
<b>SEKSYEN KEBAJIKAN PELAJAR</b> Pusat Khidmat Pelajar Ares 2, Bangunan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA / For Office Use Only</b>  <table border="1"><tr><td>Tarikh &amp; Masa Diterima Date &amp; Time Received</td><td></td></tr></table>	Tarikh & Masa Diterima Date & Time Received							
Tarikh & Masa Diterima Date & Time Received									
<b>BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEMOHON / PART A : APPLICATION DETAIL</b>									
Nama Penuh / Full Name									
No.Kad Pengenalan / Identification Card Number									
No.Matrik / Matric Card Number									
Fakulti & Program / Faculty & Programme									
Tahun Pengajian / Year of Study									
No.Telefon (Aktif) / Telephone Number (Active)									
Tajaan/ Pinjaman/ Biasiswa / Sponsorship/ Study Loan/ Scholarship									
Alamat Tetap / Permanent Address									
Kolej Kediaman/ Tempat Tinggal / Resident College / Residential									
Sebab Memohon Bentuan / Reason for Applying	<table border="1"><tr><td></td><td>Yuran Pengajian/ Tuition Fees</td><td>Yuran Kolej Kediaman/ College Fee</td><td>Sara Diri (Max.300) / Wellness Assistance</td></tr><tr><td></td><td>Kehilang Kemalangan / Berawang Assistance</td><td>Muzibah (banjir/ kebakaran/ tanah runut) / Natural Disaster</td><td>Lain-Lain / Others</td></tr></table>		Yuran Pengajian/ Tuition Fees	Yuran Kolej Kediaman/ College Fee	Sara Diri (Max.300) / Wellness Assistance		Kehilang Kemalangan / Berawang Assistance	Muzibah (banjir/ kebakaran/ tanah runut) / Natural Disaster	Lain-Lain / Others
	Yuran Pengajian/ Tuition Fees	Yuran Kolej Kediaman/ College Fee	Sara Diri (Max.300) / Wellness Assistance						
	Kehilang Kemalangan / Berawang Assistance	Muzibah (banjir/ kebakaran/ tanah runut) / Natural Disaster	Lain-Lain / Others						
Jumlah Yang Dipohon (RM) / Amount Applied For (RM)									
Nama Bank & No.Akaun / Bank & Account Number									
Email (Aktif) / E-mail (Active)									
Nama Ibu/ Bapa Penjaga / Parents/ Guardian Name									
Pekerjaan / Occupation									
Pendapatan (RM) / Income (RM)									
BANTUAN KEWANGAN PELAJAR UNIMAS – 2025 – REV01									

**PENGAKUAN PELAJAR / STUDENT DECLARATION**

Dengan nama Tuhan sesungguhnya SAYA mengaku bahawa segala maklumat dan keterangan yang diberikan di atas adalah BENAR. Jawatankuasa Bentuan Kewangan Pelajar berhak membentaskan dan menerik semula bentuan sekiranya didepi SAYA memberi maklumat palsu. \*\*Wajib disertakan slip gaji/pengesahan pendapatan ibu dan bapa (kecuali permohonan khairat dan musibah)

In the name of God I declare that all the information and evidence given above is TRUE. The Student Welfare Committee reserves the right to cancel and withdraw assistance if it is found that I have provide false information. \*\*Salary slip / income confirmation of parents and guardian must be included and is compulsory (except for mutual benevolent assistance and disaster applications)

Tarikh / Date :

Tandatangan / Signature :

**BAHAGIAN B : ULASAN DARIPADA TIMBALAN DEKAN (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) FAKULTI  
PART B: REVIEW FROM THE DEPUTY DEAN (STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI) FACULTY**

Tarikh / Date :

Tandatangan &amp; Cop Rasm / Signature &amp; Official Stamp

**BAHAGIAN C : SEMAKAN PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT, SEKSYEN KEBAJIKAN PELAJAR, PUSAT KHIDMAT PELAJAR  
PART C: REVIEW OF OFFICERS, STUDENT WELFARE SECTION, CENTRE FOR STUDENT SERVICES**

Permohonan ini adalah DISOKONG/TIDAK DISOKONG melalui Temuduga/Sesi Kaunseling / This application is SUPPORTED / NOT SUPPORTED through Interview / Counseling Session

Tarikh / Date :

Tandatangan &amp; Cop Rasm / Signature &amp; Official Stamp

**BAHAGIAN D : KELULUSAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEPA) / PART D: APPROVAL OF DEPUTY VICE CHANCELLOR (HEPA)**

Permohonan ini DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN. Pembayaran melalui:  
This application is APPROVED / NOT APPROVED. Financing through:

- Tabung Kebajikan  
 Lain-Lain (sila nyatakan) / Others (please specify)

Butiran bayaran / Payment Details:

Tarikh / Date :

Tandatangan & Cop Rasm  
Timbalan Naib Canselor HEPA/  
Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Kewangan Pelajar  
Official Signature & Stamp  
Deputy Vice Chancellor of HEPA /  
Chairman of the Student Welfare Committee

**BAHAGIAN E : BUTIRAN PEMBAYARAN PEJABAT BENDAHARI / PART E: TREASURY OFFICE PAYMENT DETAILS**

Pelejer tidak pernah menerima Bantuan Kewangan / Students have never received Financial Assistance

Pelejer pernah menerima Bantuan Kewangan / Students have received Financial Assistance

Bayaran kepada pelejer telah dikeluarkan pada / Payment to student was issued on \_\_\_\_\_ dengan jumlah bayaran sebanyak RM / with total payment of RM \_\_\_\_\_

Tarikh / Date :

Tandatangan & Cop Rasm  
Penolong Bendahari  
Pejabat Bendahari  
Official Signature & Stamp  
Assistant Treasurer  
Treasurer's Office

**Lampiran 10(a): Anggota Unit Psikologi & Kaunseling UNIMAS (PSYCON)**



**Puan Saptuyah binti Barahim**  
Timbalan Pengarah & Kaunselor Berdaftar



**Puan Debra Adrian**  
Pegawai Psikologi Kanan & Kauselor Berdaftar



**Puan Fauziah Bee binti Mohd Salleh**  
Pegawai Psikologi Kanan & Kauselor  
Berdaftar



**Encik Mohd Amin bin Mohd Ismail**  
Pegawai Psikologi Kanan & Kauselor Berdaftar



**Encik Lawrence Sengkuai anak Henry**  
Pegawai Psikologi & Kauselor Berdaftar



**Puan Ummikhaira Sofea binti Ja'afar**  
Pegawai Psikologi & Kauselor Berdaftar

## Lampiran 10(b): Infografik Unit Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling UNIMAS

# TAKE CHARGE OF YOUR *Mental Well-Being* TODAY!

For Undergraduate & Postgraduate

Feeling stressed, overwhelmed, or just curious about your mental health? Take a quick mental health assessment with us! It's like a wellness check-up for your mind.

Why? Because your mental well-being matters, and we want to ensure you're feeling your best. Plus, it only takes a few minutes!

Remember, it's okay to not be okay, and we're here to support you every step of the way.

If not now, then when. If not us, then who. So, let's take care of our mental health together and take this assessment as your first step for it.

Your responses are completely confidential and will only be used to help provide you with the best support possible. We respect your privacy and ensure your data is protected.



- 1 Discover QR Code
- 2 Click or scan the QR Code
- 3 Login with STUDENT ID
- 4 Access assessment form
- 5 Do assessment and click SAVE BUTTON


<https://dass2024.ja.unimas.my/>

Follow | Like | Share  [psyconunimasofficial](#)  [pkp.unimas.my](#)

Community - Driven University For a Sustainable World



Website:  
<https://www.pkp.unimas.my>



● ● ● [psyconunimasofficial](#) ● ● ●

For more information, please visit

OUR WEBSITE & SOCMED

Follow | Like | Share  [psyconunimasofficial](#)  [pkp.unimas.my](#)

Community - Driven University For a Sustainable World

## Lampiran 11: Infografik Membuat Temujanji Sesi Kaunseling

**Sistem Aplikasi MyCounselling**  
**SEKSYEN PSIKOLOGI & KAUNSELING**  
PUSAT KHIDMAT PELAJAR | UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



Follow | Like | Share  psyconunimasofficial

Community - Driven University For a Sustainable World

www.pkp.unimas.my  counselor@unimas.my 

Pautan Permohonan Janjitemu Sesi Kaunseling  
<https://smpweb.unimas.my/eStudent>



## **Lampiran 12: Senarai Ahli Jawatankuasa Hal-Ehwal Pelajar & Alumni Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**



**Profesor Madya Dr Rekaya Vincent Balang**  
**Pensyarah Universiti**  
**Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar & Alumi)**



**Puan Hjh Rasidah Binti Abdul Wahab**  
**Pensyarah Universiti**  
**Penyelaras Unit Kidmat Pelajar**



**Dr Siti Zaleha Binti Raduan**  
**Pensyarah Universiti**  
**Penyelaras Unit Khidmat Pelajar**



**Dr Mohammed Rasheedan Bin Ellin**  
**Pensyarah Universiti**  
**Penyelaras Unit Pembangunan Pelajar**



**Encik Ibi Gibreson Anak Manggie**  
**Jururawat U41/Clinical Instructor**  
**Penyelaras Unit Pembangunan Pelajar**



**Profesor Madya Dr Muhamad Hamdi Bin Mahmood**  
**Pensyarah Universiti**  
**Penyelaras Unit Keusahawanan**



**Dr Melissa binti Mohammad Hirman**  
**Pensyarah Universiti**  
**Penyelaras Unit Keusahawanan**



**Profesor Madya Dr Romano Ngu**  
**Pensyarah Universiti**  
**Penyelaras Persatuan Pelajar Fakulti**


## **Lampiran 13: Senarai Fasilitator UNIMED Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**



**Penasihat UNIMED**



**Dr Siti Zaleha Bin Raduan  
Fasilitator Kebajikan**



**Puan Hjh Rasidah Bintio Abdul Wahab  
Fasilitator Media & Publisiti**



**Puan Ng Poh Pheng  
Fasilitator Media & Publisiti**



**Encik Mohamad Hidayat Bin Badar  
Fasilitator Perhubungan Awam**



**Puan Nur Khairina Abdullah**  
**Fasilitator Setiausaha Agung**



**Encik Md Fadlisham bin Samsudin**  
**Fasiltator Kebajikan**



**Profesor Madya Dr Isabel Fong**  
**Fasilitator Sukan & Rekreasi**



**Dr. Arlizan Baizura Binti Ariffin**  
**Fasilitator Bendahari Kehormat**



**Encik Ibi Gibreson Anak Manggie**  
**Fasiltator Akademik & Perkembangan Sosial**



**Profesor Madya Dr Muhamad Hamdi Bin Mahmood**  
**Fasilitator Keusahawanan**



**Dr Mohammed Rasheedan Bin Ellin**  
**Fasilitator Kerohanian**